

**Golongan Muda Semua Kaum Sudah Kembali Menyokong BN: Khairy
Bernama
18 Mei, 2012**

TAWAU, 18 Mei (Bernama) -- Golongan muda dari semua kaum sudah kembali menyokong parti komponen Barisan Nasional (BN) termasuk di Sabah dan Sarawak, kata Pengerusi Pemuda BN, Khairy Jamaluddin.

Beliau berkata kesimpulan berkenaan dibuat berdasarkan tinjauan oleh sayap pemuda semua parti komponen BN termasuk Parti Liberal Demokratik (LDP), Parti Bersatu Sabah (PBS) dan Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) di Sabah.

Tinjauan tersebut juga mendapati keyakinan orang muda terhadap BN di kawasan bandar sedang meningkat, katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran 'BN Pilihan Orang Muda' peringkat negeri Sabah, anjuran Pemuda BN dan Puteri Umno di sini Jumaat.

Turut dalam majlis pelancaran berkenaan ialah Ketua Puteri Umno Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin.

Khairy, yang juga Ketua Pergerakan Pemuda Umno, berkata oleh kerana program besar anjuran Pemuda BN dan Puteri didominasi oleh Umno kerana ahlinya lebih ramai berbanding parti komponen lain, ia tidak bermakna BN tidak mendapat sokongan daripada kaum bukan Bumiputera.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=667187>